- M Gambar pencerapan data
- N Gambar kesan pelepasan PM₁₀





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pelepasan partikel dan gas pencemar daripada kawasan perindustrian serta pembakaran bahan api fosil daripada kenderaan bertanggungjawab dalam peningkatan bahan pencemar udara yang menyebabkan kemerosotan kualiti udara serta alam sekitar. Partikel terampai (PM_{10}) yang mempunyai diameter aerodinamik 10 mikrometer ($10\mu m$) atau kurang dikelaskan sebagai salah satu bahan pencemar atmosfera (Lewis et al., 2023; Sham Sani, 1979; Siti Nurhayati et al., 2014). Tidak dinafikan bahawa PM_{10} akan membawa kesan-kesan yang negatif kepada kualiti udara di sesebuah kawasan.



Pencemaran udara merupakan salah satu masalah yang bukan asing di dunia. Arus pemodenan yang berterusan tanpa mementingkan alam sekitar sememangnya akan mengkibatkan pencemaran udara khususnya dalam pelepasan PM₁₀. Terdapat beberapa siri pencemaran udara di Malaysia yang membimbangkan dan mempunyai potensi menjelaskan kesejahteraan atmosfera serta kesihatan manusia (Haliza, 2016; Mohd Talib et al., 2018). Bukan itu sahaja, dalam konteks antarabangsa turut membahaskan tentang pencemaran udara yang semakin meningkat. Pencemaran udara berlaku apabila udara mengandungi bahan pencemar dalam kuantiti yang banyak dan boleh menjelaskan tahap keselesaan dan kesihatan manusia, haiwan serta tumbuhan. Bahan-bahan ini dinamakan bahan pencemar udara yang terdiri daripada partikel, cecair atau gas (Alias et al., 2007; Sanchis-Marco et al., 2022).

1.2 Latar Belakang Kajian

Ipooh merupakan sebuah bandar yang membangun dan unik daripada aspek bentuk muka bumi. Mohd Hairy et al. (2011) menegaskan bahawa bandar Ipoh dikelilingi bukit batu kapur. Malahan, bandar Ipoh terletak di antara Banjaran Kledang dan Banjaran Titiwangsa yang merupakan tanah tinggi (Mohmadisa et al., 2014). Kawasan tanah tinggi juga mengakibatkan kurangnya tiupan angin yang memberikan impak kepada keterampaian PM₁₀ (Whalley & Zandi, 2016). Situasi sedemikian akan menyebabkan PM₁₀ terperangkap dan terampai akibat kurangnya tiupan angin yang disebabkan oleh faktor tanah tinggi dan secara tidak langsung menyebabkan kemerosotan kualiti udara.



Udara merupakan sumber bekalan oksigen yang penting kepada manusia, namun demikian manusia juga turut menjadi agen dalam mengubah keadaan semula jadi terhadap kualiti udara. Kemerosotan kualiti udara disumbang daripada pembebasan asap kilang dan kenderaan, kegiatan pembakaran terbuka serta pembakaran hutan. Kawasan perindustrian merupakan salah satu penyumbang yang tinggi terhadap pencemaran udara (Al-Hasnawi et al., 2016). Situasi ini selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Mohd Hishamudin et al. (2021) yang menyatakan kawasan perindustrian semakin pesat di bandar Ipoh. Kewujudan bahan pencemar udara khususnya PM₁₀ di kawasan bandar yang pesat membangun seperti Ipoh sememangnya akan mengundang kepada kemerosotan kualiti udara. Tidak dinafikan bahawa situasi sedemikian akan mendorong kepada kemerosotan kualiti udara.



Kesan daripada kewujudan kawasan perindustrian serta aktiviti kuari di bandar mahupun di pinggir bandar terutamanya di bandar Ipoh boleh mengakibatkan kemerosotan kualiti udara. Malah, faktor bentuk muka bumi dan ciri cuaca memberikan impak secara tidak langsung kepada tahap konsentrasi dan corak sebaran PM₁₀ di bandar Ipoh. Corak sebaran amat penting untuk menunjukkan fenomena yang terjadi di sesebuah kawasan. Pola di sesebuah ruang boleh digambarkan melalui pembentukan corak sebaran yang boleh menjelaskan fenomena yang berlaku di sesebuah kawasan (Rosenberg & Anderson, 2016). Pembentukan corak sebaran PM₁₀ amat penting untuk menjelaskan fenomena pelepasan partikel terampai PM₁₀ yang berlaku di bandar Ipoh. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan berfokus kepada pencemaran partikel terampai serta penghasilan corak sebaran PM₁₀ berdasarkan tiupan angin monsun.



1.3 Permasalahan Kajian

Kualiti udara pada masa kini semakin merosot akibat daripada faktor-faktor antropogenik. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) dan *World Health Organization* (WHO) pada tahun 2019, sebanyak 90 peratus penduduk dunia tinggal di kawasan yang mempunyai kualiti udara yang tidak menepati piawaian PM₁₀ yang ditetapkan oleh WHO iaitu sebanyak 45 µg/m³ (24 jam) dan 15 µg/m³ (setahun). Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh WHO pada tahun 2022, purata PM₁₀ di negara Pakistan, Iran, India merekodkan PM₁₀ sehingga melebihi 250 µg/m³. Pencemaran udara yang disumbangkan daripada pelepasan bahan-bahan pencemar ke lapisan atmosfera seterusnya mengganggu kelestarian alam sekitar serta membahayakan kesihatan manusia. Oleh hal yang demikian, pencemaran udara harus dikurangkan bagi menjamin kesejahteraan atmosfera selaras dengan *Sustainable Development Goals 13* (SDG13) yang digariskan oleh *United Nations* (UN) untuk mengurangkan pelepasan bahan pencemar yang menyebabkan perubahan iklim serta pencemaran udara.

Pembandaran dan perindustrian yang pesat telah membawa kepada masalah pencemaran udara khususnya melalui pelepasan bahan pencemar udara iaitu partikel terampai (Anand et al., 2019). Tidak dinafikan bahawa pencemaran udara semakin membimbangkan dan mempunyai potensi dalam menjaskannya kualiti udara khasnya di Malaysia. Bukan itu sahaja, dalam konteks antarabangsa turut membahaskan tentang pencemaran udara yang semakin meningkat khususnya di kawasan bandar (Norhayati et



al., 2008; Valencia et al., 2019). Pencemaran udara berlaku apabila udara mengandungi bahan pencemar dalam kuantiti yang banyak dan boleh menjaskan tahap keselesaan dan kesihatan manusia, haiwan serta tumbuhan. Malah, pendedahan kepada partikel terampai khususnya PM₁₀ akan memberikan kesan kepada tahap kesihatan respiratori dan kardiovaskular serta boleh membawa kepada kematian (Chen et al., 2020; Orellano et al., 2020).

Terdapat banyak perbincangan serta kajian lepas yang dijalankan berkaitan pencemaran udara yang dilakukan di Malaysia menumpukan terhadap pelepasan partikel terampai PM₁₀. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan tidak terancang akan mengakibatkan pencemaran udara melalui pelepasan bahan-bahan pencemar udara yang terdiri daripada partikel, cecair dan gas (Li et al., 2019; Masitah et al., 2007; Sham Sani, 1979). Malah, pembukaan kawasan perindustrian bagi menggalakkan ekonomi negara selari dengan peningkatan kenderaan serta kegiatan kuari mengakibatkan kualiti udara semakin berkurangan (Abdul Mujid et al., 2003; Mohd Hairy et al., 2011). Sebahagian kajian menunjukkan bahawa pelepasan PM₁₀ disumbangkan oleh faktor-faktor antropogenik yang berasal daripada kawasan perindustrian serta kegiatan penerokaan tanah permukaan (Chang, 2004; Mohd Talib et al., 2006). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (2015), konsentrasi tahunan PM₁₀ daripada tahun 2000 hingga 2015 di Malaysia menunjukkan nilai melebihi piawaian yang telah ditetapkan dalam Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia (MAAQS).



Situasi sedemikian menunjukkan bahawa pembukaan kawasan perindustrian yang berkembang pesat sememangnya akan menyumbang kepada pencemaran udara khususnya kepada peningkatan konsentrasi PM₁₀. Terdapat 20 sumber batu kapur dan tiga kuari yang terdapat di Ipoh yang mencatatkan isipadu sebanyak 726,600 tan metrik (Selamat, 2009). Hal ini menggambarkan bahawa terdapatnya pengeksplorasi sumber batu kapur yang dijalankan di sekitar bandar Ipoh. Berdasarkan kajian Mohd Hairy et al. (2016), industri simen berkembang dengan pesat akibat daripada sumber batu kapur yang kaya di sekitar Ipoh. Kegiatan kuari berskala besar di sebuah kawasan akan mengakibatkan pelepasan bahan pencemar udara khususnya habuk yang dikelaskan sebagai PM₁₀ (Sayara et al., 2016). Kewujudan kawasan-kawasan perindustrian dan kuari yang semakin berkembang akan menyebabkan kemerosotan kualiti udara.

Di samping itu, aktiviti pengkuarian juga merupakan salah satu isu yang kritikal yang berlaku di sekitar bandar Ipoh. Menurut akhbar tempatan Berita Harian, Gunung Lanno yang terletak di Simpang Pulai yang mempunyai ketinggian lebih 370 meter dan mempunyai usia 330 tahun bakal lenyap dari peta negeri Perak akibat daripada aktiviti kuari yang dijalankan (Balqis, 2021). Malahan, pertubuhan berdasarkan alam sekitar yang bukan kerajaan seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS Malaysia) melaporkan bahawa Gunung Kanthan yang terletak di Ipoh dan merupakan salah satu tapak warisan geologi semakin dimusnahkan dengan aktiviti kuari yang dijalankan bagi mendapatkan sumber batu kapur (Meor, 2021). Aktiviti pengkuarian sumber batu kapur yang dijalankan secara berterusan akan menyebabkan pelepasan PM₁₀ dalam bentuk habuk dan debu (Bouet et al., 2019; Mohd Hairy et al., 2016).



Walaupun terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan tentang pencemaran udara, kajian yang dijalankan tidak menekankan kepada pembentukan corak sebaran PM₁₀ yang menjadi jurang dalam kajian-kajian pencemaran udara. Justeru kajian ini ingin meneliti corak sebaran hasil daripada konsentrasi PM₁₀ yang disumbangkan daripada faktor-faktor antropogenik. Fenomena pencemaran udara haruslah ditunjukkan melalui pembentukan corak sebaran agar sebaran PM₁₀ dapat dilihat secara terperinci yang bertujuan untuk mengurangkan serta memberikan gambaran yang tepat terhadap pelepasan bahan pencemar udara. Oleh hal yang demikian, kajian ini harus dijalankan serta dibincangkan untuk merealisasikan Dasar Alam Sekitar Negara dengan menyediakan kerangka corak sebaran yang dapat menunjukkan gambaran pelepasan bahan pencemar udara dengan lebih jelas. Kajian ini berbeza dengan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan kerana skop kajian ini bersifat terperinci iaitu akan menganalisis konsentrasi serta membentuk corak sebaran PM₁₀ di bandar Ipoh yang terhasil daripada kawasan perindustrian, aktiviti kuari serta pengaruh daripada ciri cuaca dan iklim.





Permasalahan Kajian	Jurang Kajian	Situasi Ideal	Impak Kajian
Pembandaran berterusan menggalakkan pembukaan sektor-sektor perintustrian khususnya perindustrian berdasarkan batu kapur.	Kajian pencemaran udara lebih berfokuskan kepada data numerikal dan bersifat deskriptif dan inferensi.	Pelepasan bahan pencemar dapat ditunjukkan dan dijelaskan secara terperinci melalui gambaran corak sebaran daripada pusat-pusat pencemaran mengikut musim.	Penyediaan kerangka corak sebaran bertujuan untuk mengurangkan serta memberikan gambaran yang tepat terhadap pelepasan bahan pencemar udara mengikut musim monsun.
Terdapat perindustrian berdasarkan batu kapur dan kuari yang bertumpu di sekitar kawasan bandar.	Kajian tentang aktiviti pengkuarian berdasarkan batu kapur dan pelepasan PM ₁₀ sudah lama tidak dijalankan.	Mengenal pasti kawasan tumpuan dan corak sebaran	Menyediakan maklumat kepada pihak berkuasa tempatan dalam langkah-langkah pengurangan PM ₁₀ .
Potensi pelepasan PM ₁₀ yang tinggi daripada kawasan perindustrian berdasarkan batu kapur dan kuari.	Kajian-kajian lepas tidak menfokuskan kepada analisis reruang (<i>spatial analysis</i>).	pencemaran udara yang berfokus kepada partikel terampai PM ₁₀ berdasarkan musim monsun.	

Jadual 1.1. Kerangka permasalahan kajian

1.4 Persoalan Kajian

- i. Adakah bandar Ipoh mempunyai konsentrasi PM₁₀ yang tinggi berdasarkan musim monsun?
- ii. Adakah ciri cuaca mempunyai hubungan dan pengaruh yang signifikan terhadap konsentrasi PM₁₀ di bandar Ipoh berdasarkan musim monsun?
- iii. Bagaimanakah corak sebaran PM₁₀ di bandar Ipoh berdasarkan musim monsun?





1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan faktor meteorologi terhadap konsentrasi PM₁₀ serta sebarannya di bandar Ipoh. Terdapat tiga objektif kajian yang dicadangkan dalam kajian ini seperti berikut:

- i. Mengukur tahap konsentrasi PM₁₀ di bandar Ipoh berdasarkan musim monsun.
- ii. Menganalisis hubungan dan pengaruh ciri cuaca terhadap konsentrasi PM₁₀ di bandar Ipoh berdasarkan musim monsun.
- iii. Menggambarkan corak sebaran PM₁₀ di bandar Ipoh berdasarkan musim monsun.

1.6 Hipotesis Kajian



Hipotesis kajian merupakan saranan untuk menjelaskan fenomena yang dikaji berdasarkan dua atau lebih pemboleh ubah. Pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*) dalam kajian ini ialah PM₁₀ manakala pemboleh ubah bebas (*independent variable*) adalah parameter meteorologi iaitu suhu, kelembapan bandingan dan halaju angin. Hipotesis yang dikemukakan harus bersifat khusus dan berkait antara pemboleh ubah. Menurut Farrugia et al. (2010), hipotesis harus dinyatakan pada tahap awal sesebuah kajian sebagai panduan kepada objektif yang perlu dicapai. Terdapat tiga hipotesis umum yang dibentuk dalam kajian ini. Hipotesis yang dicadangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:



H_{o1} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan suhu semasa MBD.

H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan suhu semasa MBD.

H_{o2} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan kelembapan bandingan semasa MBD.

H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan kelembapan bandingan semasa MBD.

H_{o3} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan halaju angin semasa MBD.

H_{a3} : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan halaju angin semasa MBD.

H_{o4} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan suhu semasa peralihan monsun.

H_{a4} : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan suhu semasa peralihan monsun.

H_{o5} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan kelembapan bandingan semasa peralihan monsun.



H_{a5}: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan kelembapan bandingan semasa peralihan monsun.

H_{o6}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan halaju angin semasa peralihan monsun.

H_{a6}: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan halaju angin semasa peralihan monsun.

H_{o7}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan suhu semasa MTL.

H_{a7}: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan suhu semasa MTL.



H_{o8}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan kelembapan bandingan semasa MTL.

H_{a8}: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan kelembapan bandingan semasa MTL.

H_{o9}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan halaju angin semasa MTL.

H_{a9}: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsentrasi PM₁₀ dengan halaju angin semasa MTL.





1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana dapat dijadikan sebagai panduan serta informasi berkaitan pencemaran udara terutamanya kepada Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) dan Jabatan Meteorologi Malaysia serta pengkaji-pengkaji dalam bidang atmosfera yang berfokuskan pencemaran udara. Selain itu, kajian ini turut dapat mengenal pasti punca masalah dan isu pencemaran udara di sekitar bandar Ipoh. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memenuhi keperluan pelbagai pihak pengurusan JAS, Jabatan Meteorologi Malaysia, serta badan-badan pengurusan di bandar Ipoh. Hasil dapatan kajian ini juga turut boleh dijadikan garis panduan untuk mengenal pasti punca-punca dan kesan pencemaran udara yang berlaku di bandar Ipoh.

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak JAS dan Jabatan Meteorologi dalam membekalkan maklumat penting dalam usaha mengurangkan pencemaran udara terutamanya pelepasan PM_{10} di bandar Ipoh. Turut diharapkan dengan hasil penyelidikan ini dapat membantu pihak JAS serta dan Jabatan Meteorologi untuk menyelia dan memantau kualiti udara secara efisien. Penyelidikan ini juga diharapkan agar dapat menjadi asas dan membekalkan maklumat-maklumat penting tentang bahan pencemar udara PM_{10} dan seterusnya membantu pengkaji-pengkaji yang lain untuk meneruskan kajian yang berkaitan dengan bidang atmosfera khususnya dalam pencemaran udara. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat Malaysia bahawa kualiti udara amat penting untuk menjamin bekalan oksigen yang bersih. Kajian ini juga penting dalam menunjukkan kepada masyarakat bahawa terdapat pelbagai kesan negatif akibat daripada pencemaran udara.





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini bertempat di sekitar kawasan bandar dan pinggir bandar Ipoh, Perak. Fokus kajian ini hanya parameter PM₁₀ tidak termasuk komposisi kimia. Konsentrasi PM₁₀ diukur di stesen cerapan terpilih di sekitar bandar Ipoh menggunakan *Portable Laser Aerosol Spectrometer* dan *Dust Monitor Model 1.108*. Limitasi kajian ini turut berdasarkan daripada bentuk muka bumi kawasan kajian yang hanya bertumpu di zon tengah Lembah Kinta iaitu mukim Hulu Kinta dan Sungai Raya. Hal ini demikian kerana kawasan di sekeliling bandar Ipoh merupakan kawasan tanah tinggi dan banjaran yang mempunyai kurang akses untuk menjalankan kutipan data. Ciri cuaca juga menjadi salah satu batasan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana data tidak dapat dicerap semasa hari hujan. Malahan, kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa penularan jangkitan wabak Covid-19 di Malaysia turut menyukarkan keadaan untuk menjalankan kutipan data di kawasan kajian.





1.9 Organisasi Kajian

Bab satu membincangkan mengenai pengenalan kepada kajian yang memfokuskan kepada pencemaran udara, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, organisasi kajian dan juga kesimpulan keseluruhan bab. Bab dua menerangkan mengenai tinjauan literatur mengenai pengaruh PM₁₀ dalam pencemaran udara dan kajian-kajian yang berkaitan dalam konteks seluruh dunia, negara Asia termasuk Malaysia. Hasil daripada tinjauan literatur ini akan menjadi garis panduan kepada penghasilan kajian ini.

Bab tiga pula menerangkan mengenai kaedah yang telah dijalankan meliputi kawasan kajian, stesen persampelan, ciri fizikal dan budaya di bandar Ipoh. Kaedah analisis turut dinyatakan dalam bab tiga ini. Bab empat akan menunjukkan mengenai dapatan kajian hasil daripada analisis yang telah dijalankan. Selain itu, bab empat turut membincangkan keputusan yang diperoleh dan dikukuhkan dengan bahan bacaan. Bab lima merupakan penutup serta rumusan yang membincangkan cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan serta kesimpulan daripada keseluruhan kajian.



1.10 Definisi Operasi

Terdapat tiga definisi operasi yang utama dalam kajian ini untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Definisi operasi merujuk kepada penjelasan terperinci mengenai istilah dan ukuran teknikal yang digunakan dalam kajian serta penjelasan terhadap perbincangan dapatan serta rumusan.

1.10.1 Partikel Terampai (PM₁₀)

Formulasi daripada beberapa pendapat, partikel terampai yang mempunyai diameter aerodinamik 10 mikrometer atau kurang merupakan salah satu bahan pencemar udara yang dinamakan sebagai PM₁₀ dan wujud dalam pelbagai sumber (Lewis et al., 2023; Querol et al., 2001; Mohd Hairy et al., 2016; Mohd Talib et al., 2006; Sham Sani, 1979; Siti Nurhayati et al., 2014). Unit pengukuran PM₁₀ yang digunakan dalam kajian ini ialah mikrogram per meter kubik udara ($\mu\text{g}/\text{m}^3$). PM₁₀ boleh diukur melalui teknik gravimetrik dan secara langsung menggunakan *aerosol spectrometer*. Kajian ini mentakrifkan PM₁₀ sebagai salah satu bahan pencemar udara yang berpunca daripada aktiviti perindustrian berasaskan batu kapur dan aktiviti pengkuarian.



1.10.2 Parameter Meteorologi

Terdapat tiga parameter meteorologi yang digunakan dalam kajian ini untuk menentukan hubungan serta pengaruh terhadap tahap konsentrasi PM₁₀ menggunakan statistik inferensi. Parameter meteorologi yang digunakan terdiri daripada suhu, kelembapan bandingan dan halaju angin. Definisi operasi bagi parameter meteorologi yang dibentuk adalah berdasarkan penjelasan serta pendapat daripada pengkaji-pengkaji yang lepas seperti Mohd Hairy et al. (2016), Mohd Talib et al. (2016), Mohdmadisa et al. (2012) dan Sham Sani (1979).

1.10.2.1 Suhu



Suhu merupakan salah satu parameter meteorologi yang ditekankan dalam kajian ini untuk menentukan hubungan serta pengaruh terhadap PM₁₀. Unit pengukuran suhu dalam kajian ini ialah darjah celcius (°C). Kajian ini menggunakan alat *pocket weather meter* yang untuk mengukur suhu.



1.10.2.2 Kelembapan Bandingan

Kelembapan bandingan merupakan salah satu parameter meteorologi yang digunakan dalam kajian ini untuk menentukan hubungan serta pengaruh terhadap PM₁₀. Unit pengukuran kelembapan bandingan akan ditentukan menggunakan peratusan (%). Bacaan diambil menggunakan *whirling hygrometer* dan *pocket weather meter*.

1.10.2.3 Halaju Angin

Halaju angin merupakan salah satu parameter meteorologi yang digunakan dalam kajian ini untuk menentukan hubungan serta pengaruh terhadap PM₁₀. Halaju angin direkodkan berdasarkan angin musim iaitu MBD, MTL dan peralihan monsun. Unit pengukuran halaju angin yang digunakan adalah dalam meter per saat (m/s). Bacaan halaju angin diambil menggunakan *pocket weather meter*.

1.10.3 Interpolasi Ruangan

Berdasarkan pendapat daripada beberapa penyelidik, interpolasi ruangan merupakan salah satu teknik yang menganggarkan dan meramalkan nilai baharu di sekitar titik kawalan (Chrisman, 1999; Huda et al., 2019; Kanakiya et al., 2015; Omusotsi, 2019; Siti Haslina & Mastura, 2015). Terdapat pelbagai jenis interpolasi ruangan yang dibentuk melalui perisian sistem maklumat geografi (GIS) iaitu ArcMap. Kajian ini menggunakan interpolasi ruangan yang berfokus kepada *inverse distance weighted* (IDW).



1.10.4 The Air Pollution Model (TAPM)

Berdasarkan beberapa pengkaji lepas, *The Air Pollution Model* (TAPM) merupakan model pencemaran udara yang digunakan untuk menerangkan sesuatu hubungan yang wujud di dalam persekitaran fizikal atmosfera berfokuskan kepada keadaan meteorologi sesebuah kawasan (Deghan et al., 2014; Hurley, 2005; Matthaios et al., 2018). Model ini juga mampu memberikan gambaran secara prognostik melalui *Graphical User Interface* (GUI). Kajian ini mengadaptasi model ini untuk menunjukkan situasi pencemaran udara serta hubungan dan pengaruh di antara PM₁₀ dan parameter meteorologi.

1.11 Kesimpulan



Bab ini telah membincangkan pengenalan berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu corak sebaran PM₁₀ di bandar Ipoh. Kajian ini befokuskan kepada bidang geografi fizikal iaitu pencemaran udara. Udara merupakan salah satu sumber yang penting terhadap manusia serta hidupan lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan khususnya dalam membekalkan oksigen. Kajian ini menekankan aspek konsentrasi PM₁₀ berdasarkan pengukuran di setiap stesen. Secara keseluruhannya, bab ini mengandungi beberapa aspek kajian yang ingin dikaji iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian serta organisasi kajian. Bab seterusnya adalah bab dua yang akan membincangkan tentang kajian literatur serta kajian-kajian lepas yang dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini.

